

## Sikap dan Persepsi Penutur Dialek Melayu Satun dalam Pengekalan Bahasa Ibunda

### Attitudes and Perceptions of Satun Malay Speaker in Maintenance of Their Mother Tongue

HAYATI LATEH, MOHAMMAD FADZELI JAAFAR & CHONG SHIN

#### ABSTRAK

*Makalah ini bertujuan untuk meneliti sikap dan persepsi penutur Melayu Satun terhadap bahasa ibunda mereka sendiri, iaitu dialek Melayu Satun dan mengaitkan dengan vitaliti bahasa. Data diperoleh melalui soal selidik ke atas 121 orang responden. Responden terdiri daripada tiga golongan umur, iaitu golongan tua, dewasa dan remaja di tiga kampung dari mukim yang berbeza: mukim Che Bilang, mukim Ban Khuan dan mukim Tam Malang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penutur Melayu Satun pada semua peringkat umur bersikap positif terhadap dialek Melayu Satun. Golongan tua bersikap lebih positif berbanding golongan dewasa dan golongan remaja. Manakala sikap dan persepsi terhadap DMS dalam golongan remaja kurang positif. Hal ini akan menyebabkan berlaku peralihan bahasa secara perlahan-lahan kepada bahasa yang lebih dominan iaitu bahasa Thai Standard. Maka usaha dan sokongan daripada semua pihak diperlukan untuk mengekalkan dialek Melayu Satun. Ini kerana kemampuan rakyat yang bertutur dalam dwibahasa dan multi bahasa adalah sebagai aset negara yang menunjukkan sesebuah negara itu kaya dengan warisan, budaya dan bahasa.*

*Kata kunci: Sikap; persepsi; dialek Melayu Satun; bahasa Thai Standard; vitaliti bahasa; pengekalan bahasa*

#### ABSTRACT

*This paper aims to examine the attitude and perception of Satun Malay speakers towards their language, namely the Satun Malay dialect. Data was obtained through a questionnaire of 121 respondents. The respondents consisted of three age groups: the elderly, adults and teenagers in three villages from different sub-districts: Che Bilang sub-district, Ban Khuan sub-district and Tam Malang sub-district. The study's findings show that Satun Malay speakers have a positive attitude towards their language, Satun Malay dialect. The elderly are more optimistic than adults and teenagers. In contrast, teenagers' attitude and perception towards DMS is less optimistic. Therefore, it may cause a gradual shift in the language to the more dominant language, which is Standard Thai. Therefore, efforts and support from all parties are needed to maintain Satun's Malay dialect. The people who can speak bilingual or multilingual as a national asset show rich heritage culture and language.*

*Keywords: Attitude; perception; Satun Malay dialect; Standard Thai language; language vitality; language maintenance*

#### PENDAHULUAN

Kajian ini memberi fokus kepada sikap dan persepsi penutur dialek Melayu Satun terhadap bahasa ibunda mereka iaitu, dialek Melayu Satun (DMS) di wilayah Satun, Selatan Thailand yang berkait rapat dengan vitaliti bahasa dan seterusnya pengekalan dan peralihan bahasa. Sikap terhadap bahasa terutama terhadap dwibahasa dan penggunaan bahasa memberi kesan mendalam terhadap pengekalan bahasa ibunda. Sikap positif memberi kesan positif terhadap bahasa ibunda (Li 1999; Park & Sarkar 2007). Satun adalah salah satu wilayah di selatan Thailand. Wilayah Satun bersempadan

dengan negeri Perlis di sebelah selatan. Manakala, di sebelah barat pula bersempadan dengan Pulau Langkawi di Lautan Andaman. Sebelah Utara bersempadan dengan wilayah Songkhla, wilayah Trang dan wilayah Phattalung. Sebelum tahun 1813, Satun adalah salah satu daerah dalam negeri Kedah Tua (Saiburi) yang dikenali sebagai Setul Mambang Segara atau Mukim Setul dalam bahasa Melayu. Namun, pada tahun 1909 dalam perjanjian Anglo-Siamese, Kedah telah jatuh di bawah jajahan British manakala Satun diserahkan kepada kerajaan Siam kerana majoriti populasinya adalah Siam. Di bawah adalah rajah yang menunjuk peta lokasi wilayah Satun dan daerah-daerah di bawah pentadbirannya



RAJAH 1. Daerah di bawah pentadbiran wilayah Satun  
 Sumber: <http://www.mapsofworld.com/thailand/provinces/satun-map.html>


Kawasan pentadbiran wilayah Satun dibahagikan kepada 6 daerah dan 1 subdaerah iaitu daerah Mueang Satun, daerah Tha Phae, daerah Khuan Don, daerah Langu, daerah Thungwa, daerah Khuan Kalong dan subdaerah Manang (Jabatan Pentadbiran Wilayah Satun 2015) ([www.satunpao.go.th](http://www.satunpao.go.th)).

Kini majoriti penduduk di wilayah Satun adalah daripada orang Islam iaitu 80% dan mereka adalah daripada suku Melayu Kerajaan Tua Kedah. Court (1995) mengatakan bahawa Satun adalah kawasan rebutan antara kerajaan Thai dan kerajaan negeri Kedah, oleh itu kawasan ini menjadi pusat pertembungan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai. Hasil daripada pertembungan ini, berlaku pelbagai fenomena kebahasaan seperti terdapat percampuran antara bahasa Thai dan bahasa Melayu yang dipanggil bahasa Sam Sam. Terdapat dua kaum di Satun iaitu Kaum Melayu dan Kaum Sam-sam.

#### KAUM MELAYU SATUN

Penempatan orang Melayu Islam di Thailand di kawasan penempatan mereka sekarang ini bukanlah

hasil daripada satu perpindahan besar-besaran, atau diaspora, yang baru berlaku. Mereka merupakan sebahagian daripada penyebaran asal orang Melayu yang meliputi kepulauan Melayu dan bahagian selatan tanah daratan Asia. Ada antara mereka yang masih mempunyai perkaitan kekeluargaan dengan orang Melayu Semenanjung (Asmah 1993). Hikayat dan hasil kesusasteraan Melayu lainnya ada menceritakan perkaitan serupa ini, antaranya, termasuklah Hikayat Patani dan Syair Siti Zubaidah (Asmah 2005). Hanya terdapat 6 mukim di daerah Mueang Satun sahaja yang boleh bertutur dalam dialek Melayu Satun (DMS), iaitu mukim Che Bilang, mukim Tam Malang, mukim Puyu, mukim Tanyong Po, mukim Ban Khuan, dan mukim Chalung. Keenam-enam mukim yang mempunyai penutur DMS tersebut dapat dibahagi kepada 2 kawasan mengikut faktor geografi iaitu: i) kawasan pesisiran merangkumi mukim Tam Malang, mukim Puyu, mukim Che Bilang dan mukim Tanjung Po, dan ii) kawasan luar bandar meliputi mukim Ban Khuan dan mukim Chalung (Nor Hashimah et al. 2019). Berikut adalah peta mukim-mukim tersebut:



RAJAH 2. Peta mukim-mukim yang penduduknya bertutur dalam DMS.  
 Sumber: Nor Hashimah et al. 2019

### KAUM SAM-SAM

Terdapat juga kaum Siam asli yang semenjak dahulu mendiami wilayah-wilayah di selatan Thai dan mereka membentuk majoriti kaum Siam di situ. Kaum Siam ini kemudiannya membentuk identiti, budaya dan tamadun bangsa Thai. Bahasa Thai yang dituturkan oleh kaum Siam tersebut merupakan dialek Thai Selatan (DTS) (*Pak Tai*), subdialek bahasa Thai daripada keluarga bahasa Tai-Kradai. Di wilayah Thai selatan, orang Melayu-Islam dan Siam-Buddha merupakan penduduk tempatan yang membentuk satu kaum. Namun taburan mereka tidak sama antara satu wilayah dengan wilayah yang lain seperti wilayah Pattani, kaum Melayu-Islam lebih ramai berbanding di wilayah Songkhla. Kemudian kaum Siam dari wilayah Utara dan wilayah Tengah mula memasuki kawasan selatan Thai khususnya di kawasan barat dan tengah Segenting Kra seperti di Satun (Sohaimi & Omar 2010). Kaum Siam ini berbahasa Siam (Thai) (pelbagai dialek Thai dan majoritinya bertutur dialek Thai Selatan).

Wujud perkahwinan campur antara kaum Siam Budha dengan kaum Melayu tempatan yang beragama Islam dan telah mewujudkan satu kaum peranakan yang dikenali sebagai kaum peranakan Sam Sam atau Sam-sam. Menurut Archaimbaault (1957 dlm Noriah Mohamed & Omar Yusoff 2010) kaum Sam-sam adalah produk perkahwinan campur antara Melayu dengan Siam; Melayu, Cina dengan Siam; atau Siam dengan keturunan penduduk asli Langkasuka atau Ligor. Archaimbaault membahagikan kaum Sam-sam kepada dua kelompok iaitu i) Sam-sam Siam ialah warga Thai yang beragama Buddha dan ii) Samsam Melayu ialah warga Thai yang beragama Islam. Ini sama pendapat dengan Cheah Boon Kheng (1981) yang mengatakan kaum Sam-sam dibahagi kepada dua kumpulan iaitu Samsam Islam dan Samsam Buddha. Kaum Samsam Islam ialah mereka yang beragama Islam, manakala kaum Samsam Buddha pula beragama Buddha (Cheah Boon Kheng 1981; Kuroda 2008).

## BAHASA MELAYU DAN BAHASA THAI DI SATUN, THAILAND

Bahasa Melayu di Thailand dituturkan oleh kaum pribumi di lima wilayah di Selatan Thailand iaitu Pattani, Narathiwat, Yala, Songkhla dan Satun. Bahasa Melayu tersebut dibahagi kepada dua dialek iaitu dialek Melayu Patani (seterusnya DMP) dan dialek Melayu Satun (seterusnya DMS). DMP dituturkan di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkhla, yang mana aspek fonologinya hampir sama dengan dialek Kelantan di Malaysia. Manakala DMS dituturkan dalam wilayah Satun yang aspek fonologinya mirip dengan dialek Kedah dan Perlis (Seni Mardman 1990; Worawit 1999). Menurut Asmah (1993), bahasa Melayu telah lama dituturkan di Satun, iaitu sejak permulaan abad kesembilan belas. Kini dialek Melayu Satun (DMS) merupakan bahasa minoriti dalam kalangan penduduk Satun kerana bahasa majoriti di Satun kini adalah dialek Thai Selatan (DTS). Manakala bahasa Thai Standard (BTS) adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang digunakan sama ada secara lisan atau tulisan. Pertembungan ketiga-tiga bahasa tersebut menyebabkan penutur Melayu Satun bersifat dwibahasa atau multi bahasa.

Justeru, Wilayah Satun terdiri daripada penduduk yang bertutur dalam bahasa Thai dan juga penduduk yang bertutur dalam bahasa Melayu. Penduduk di wilayah Satun, selatan Thailand ini bersifat dwibahasa (*bilingual*) dan multi bahasa (*multilingual*). Worawit (1999) mengategorikan penduduk Satun kepada tiga kumpulan iaitu: i) kumpulan berbahasa Melayu Satun (DMS) ii) kumpulan berdwbahasa (DMS dan DTS) dan iii) kumpulan berbahasa dialek Thai Selatan (DTS). Pembahagian ini berdasarkan kepada 3 bahasa yang dituturkan di sini, iaitu: i) dialek Thai Selatan (DTS) yang merupakan bahasa wilayah yang menjadi bahasa majoriti tempatan dan juga bahasa minoriti di Thailand, ii) bahasa Thai Standard (BTS) adalah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan di negara Thailand, dan iii) dialek Melayu Satun (DMS) adalah bahasa minoriti dan bahasa marginal, yang dituturkan oleh kaum pribumi Melayu Islam Satun. Kesan daripada hubungan dan kontak yang lama secara tidak formal antara penutur DMS dengan penutur DTS menyebabkan penutur Melayu Satun berkebolehan menutur dalam DTS. Manakala kebolehan mereka bertutur dalam BTS pula disebabkan oleh polisi asimilasi yang diperkenalkan oleh kerajaan Thailand melalui

pelaksanaan polisi bahasa negara “satu bangsa, satu bahasa” yang memaksa dan mewajibkan semua kaum minoriti di Thailand termasuk kaum minoriti Melayu mempelajari bahasa BTS di sekolah, menyebabkan mereka juga boleh berbahasa BTS. Tambahan, media massa juga mempengaruhi bahasa kaum minoriti kerana semua bahasa yang digunakan dalam media massa ini adalah BTS, maka ia mempercepatkan lagi proses tersebut.

## VITALITI BAHASA

Vitaliti bahasa dapat dihuraikan dengan melihat bahasa digunakan sebagai alat komunikasi dalam komuniti dalam pelbagai konteks sosial bagi tujuan tertentu. Penunjuk penting bagi vitaliti bahasa adalah penggunaan bahasa harian dalam rumah. Bahasa yang mempunyai vitaliti yang tinggi adalah bahasa yang diguna bukan sahaja dalam rumah tetapi juga di luar rumah, oleh semua generasi, dan hampir dalam semua topik perbincangan (SIL International 2010). Petunjuk-petunjuk kepada vitaliti bahasa adalah seperti kemahiran bahasa, pemilihan bahasa, dominan bahasa, kegemaran bahasa dan sikap dan motivasi bahasa. Mengikut Giles et al. (1977) status, demografi, sokongan institusi dan faktor-faktor lain mempengaruhi vitaliti bahasa. Selain itu, terdapat faktor pendidikan dan keluarga (Spolsky 2004), sikap dan persepsi, identiti etnik dan nilai ekonomi bahasa (Pauwels 2004; Warinthip & Salasiah 2014) yang mempengaruhi vitaliti bahasa. Manakala Karan (2011), menyatakan bahawa petunjuk terbaik bagi vitaliti etnolinguistik adalah persepsi (sikap) kerana persepsi atau sikap berpengaruh ke atas penggunaan bahasa.

## OBJEKTIF KAJIAN

Crystal (2000) mengatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan berlaku peralihan bahasa adalah sikap penutur itu sendiri terhadap bahasa ibunda. Sikap positif terhadap bahasa sendiri biasanya lahir daripada peranan yang dimainkan oleh bahasa sebagai penanda identiti yang ditentukan oleh penutur bahasa itu (Saville-Troike 1991 dalam Saidatul Nornis & Alice 2021). Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh sikap dan persepsi penutur Melayu Satun terhadap bahasa ibunda mereka iaitu dialek Melayu Satun (DMS) dalam pengejalan dan peralihan bahasa.

## KAJIAN LITERATUR

Gardner & Lambert (1972) pertama kali memperkenalkan konsep sikap bahasa yang mengaitkan kepada motivasi instrumen dan motivasi intergratif bagi pembelajaran bahasa kedua. Motivasi instrumen meliputi kuasa, prestij dan peluang pekerjaan. Manakala motivasi intergratif pula keinginan untuk menjadi sebahagian daripada kebudayaan atau tujuan asimilasi diri dalam masyarakat tutur sesetengah bahasa. Berdasarkan semakan kajian lepas, didapati beberapa kajian yang memberi tumpuan terhadap sikap dan persepsi terhadap bahasa Thai Standard dan bahasa minoriti di Thailand. Misalnya kajian oleh Suwilai (1995, 1996) ke atas bahasa minoriti *So* yang dituturkan oleh penduduk di kampung Nongwaeng, wilayah Kalasin dan wilayah Udonthani telah berlaku peralihan bahasa kepada bahasa Thai-Lao yang menjadi bahasa berprestij. Ini kerana salah satu faktor ialah sikap negatif penutur terhadap bahasa *So*. Kajian Yotaka (2009) telah meneliti sikap bahasa terhadap bahasa Isan dan bahasa Thai Standard serta corak pemilihan bahasa dengan memfokus kepada hubungan antara faktor umur responden dengan pemilihan bahasa dan sikap bahasa. Hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara umur dengan sikap bahasa dan pemilihan bahasa. Penutur Isan bersikap positif terhadap kedua-dua bahasa iaitu bahasa Isan dan bahasa Thai Standard. Namun, golongan muda bersikap lebih positif terhadap bahasa Thai Standard manakala golongan tua bersikap lebih positif terhadap bahasa Isan.

Seterusnya, kajian sikap dan persepsi terhadap bahasa Melayu di Thailand dikaji oleh Nookua (1991), Norizah (2005), Warinthip & Salasiah (2015) dan Zamri, Jamaluddin & Hassan (2019). Nookua (1991) mengkaji sikap bahasa dalam kalangan orang Thai beragama Islam di Kampung Ban Surau, daerah Chana, wilayah Songkhla, Thailand. Hasil kajian beliau mendapati responden bersikap positif terhadap kesemua bahasa, iaitu bahasa Melayu Standard, dialek Melayu Patani, bahasa Thai Standard dan dialek Thai Songkhla. Terdapat perbezaan yang ketara terhadap bahasa Thai Standard antara penutur. Penutur perempuan, yang lebih muda, berpendidikan tinggi menunjukkan sikap lebih positif terhadap bahasa Thai Standard berbanding responden yang lain. Corak penggunaan bahasa dalam golongan muda dan sikap positif penutur terhadap bahasa Thai Standard cenderung

berlaku peralihan bahasa secara perlahan-lahan daripada komuniti yang bertutur dalam satu bahasa kepada komuniti dwibahasa.

Norizah (2005) telah meneliti sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di universiti di Thailand. Hasil kajian beliau mendapati pelajar bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Faktor yang mempengaruhi sikap positif tersebut, ialah: bahasa ibunda, jantina dan agama. Motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah intergratif, instrumental dan berdasarkan identiti dan kesetiaan terhadap bahasa ibunda atau bahasa nenek moyang mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu adalah terhad kerana hanya digunakan dalam hubungan kekeluargaan dan urusan keagamaan sahaja. Penggunaan bahasa Melayu adalah berbentuk campur kod antara bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Seterusnya, Warinthip & Salasiah (2015) mengkaji sikap terhadap bahasa Thai, Melayu Patani dan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Prince of Songkhla, Pattani. Hasil kajian mereka mendapati kebanyakan pelajar bersikap positif terhadap ketiga-tiga bahasa tersebut. Mereka mendapati empat sebab pelajar bersikap positif terhadap bahasa Thai Standard, iaitu i) bahasa Thai adalah bahasa komunikasi antara kumpulan dan dalam kumpulan, ii) sudah biasa dengan bahasa Thai Standard, iii) kerana mereka adalah orang Thai, vi) kerana suka kepada bahasa Thai. Manakala, sikap positif terhadap dialek Melayu Patani (PM) kerana : i) sudah biasa dengan PM kerana ia adalah bahasa ibunda, ii) ia mudah dan senang digunakan, dan iii) keunikannya, ia melambangkan identiti mereka. Sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris juga positif. Ini kerana bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan bahasa yang berprestij.

Zamri, Jamaluddin & Hassan (2019) telah mengkaji sikap dan motivasi terhadap bahasa Melayu dan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah bawah di Pattani, Thailand. Responden seramai 100 orang yang terdiri daripada pelajar menengah bawah dari dua jenis sekolah di Pattani yang dipilih secara rawak iaitu sekolah kerajaan dan sekolah agama swasta. Hasil kajian mereka mendapati berdasar motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu di kedua sekolah kajian adalah sama, iaitu sederhana tinggi. Implikasi kajian tersebut menunjukkan motivasi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di

Selatan Thai akan meningkat jika penguasaan dan kemahiran dalam pembelajaran bahasa Melayu meningkat.

Manakala kajian pengekal dan peralihan bahasa Melayu di Thailand terkini dikaji oleh Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohd. Fadzeli Jaafar (2020) dan Kamaruddin (2019). Kajian pengekal dan peralihan bahasa dalam kalangan penutur Melayu Satun telah dikaji oleh Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohd. Fadzeli Jaafar (2020). Kajian mereka melihat penggunaan bahasa dalam tiga golongan umur, iaitu golongan tua, dewasa dan remaja. Domain yang dikaji adalah domain kekeluargaan, agama, jual beli, pendidikan dan pekerjaan. Hasil kajian mereka mendapati penutur Melayu Satun ketiga-tiga golongan umur masih kekal menggunakan dialek Melayu Satun dalam semua domain kajian, terutama domain kekeluargaan, agama dan jual beli. Namun peralihan bahasa juga telah berlaku khususnya dalam domain pendidikan dan pekerjaan. Peralihan bahasa dari dialek Melayu Satun kepada bahasa Thai Standard yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Thailand sedang berlaku dalam golongan remaja. Namun peralihan bahasa tersebut berlaku tidak secara menyeluruh.

Kamaruddin (2019) telah mengkaji situasi sosiolinguistik dan fenomena kebahasaan dalam masyarakat Melayu di tiga wilayah sempadan selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Beliau mengaplikasikan teori etnografi komunikasi yang disyorkan oleh Hymes (1974). Hasil kajian beliau mendapati dari sudut sosiolinguistik, masyarakat Melayu di tiga wilayah tersebut mengalami fenomena pertembungan bahasa antara bahasa Melayu dan bahasa Thai, kesannya penduduk di tiga wilayah ini bersifat dwibahasa. Fenomena kedwibahasaan dalam masyarakat ini mengakibatkan berlakunya beberapa aspek linguistik seperti fenomena pemilihan bahasa, percampuran bahasa dan sebagainya. Bahasa Melayu melambangkan jati diri orang Melayu di tiga wilayah selatan Thailand.

Berdasarkan kajian lepas didapati pengkaji banyak tertumpu kepada bahasa Thai dan bahasa Melayu dialek Pattani dan respondennya daripada kalangan pelajar kecuali kajian Nookua (1991). Namun, kajian sikap terhadap bahasa Melayu Satun dalam kalangan penutur Melayu Satun sendiri tidak banyak dikaji. Selain itu, penelitian mengenai faktor sikap dan persepsi dalam pelestarian bahasa juga tidak banyak dikaji. Kekurangan tulisan dan kajian terhadap dialek Melayu Satun menyebabkan

ia kurang dikenali dalam kalangan penutur luas di Thailand. Selain itu, dialek Melayu Satun juga kurang mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dalam memperkasakan dialek Melayu Satun supaya kekal digunakan secara meluas di wilayah Satun.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif. Data diperoleh melalui soal selidik terhadap responden seramai 121 orang. Sebanyak tiga kampung dari tiga mukim yang berbeza telah dikaji, iaitu Kampung Che Bilang, mukim Che Bilang, Kampung Guar Pasir, mukim Ban Khuan dan Kampung Tam Malang, mukim Tam Malang. Tiga mukim tersebut dipilih kerana mengikut informan setempat ketiga-tiga kampung tersebut majoriti penduduk masih bertutur dalam DMS dalam hidupan harian, manakala di kampung lain sudah tidak ramai yang boleh bertutur DMS khususnya generasi muda. Responden yang dipilih merupakan penutur jati dialek Melayu Satun dan tinggal di kawasan kajian. Responden dibahagi kepada tiga golongan umur iaitu golongan remaja (berumur 20 tahun dan ke bawah) seramai 32 orang (26.4%), golongan dewasa (berumur 25-50 tahun) seramai 50 orang (41.3%) dan golongan tua (berumur 55 tahun dan ke atas) seramai 39 orang (32.2%). Pembahagian ini penting kerana kita dapat mengukur sejauh mana pengekal bahasa berlaku di sesuatu tempat (Nor Hashimah et al. 2017). Lingkungan umur responden 10 tahun hingga 80 tahun. Manakala dari segi jantina pula, jumlah responden lelaki adalah seramai 55 orang (45.5%) manakala responden perempuan adalah seramai 66 orang (54.5%).

Setelah soal selidik selesai dikumpulkan, pengkaji memasukkan input ke dalam program. Data diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS) versi 21 for windows* untuk mendapatkan nilai statistik deskriptif yang mudah berbentuk kekerapan dan peratusan.

## DATA DAN ANALISIS

Soal selidik tentang sikap dan persepsi responden terhadap dialek Melayu Satun ini mengandungi 12 soalan yang meliputi sikap dan persepsi responden dalam pelbagai isu seperti sikap terhadap penggunaan DMS, pembelajaran DMS dan kepentingan DMS dalam kehidupan harian. Responden seramai 121 orang diminta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan bahawa mereka setuju atau tidak

setuju dengan kenyataan tersebut. Jawapan “Ya” bagi jawapan “setuju” dan “Tidak” bagi jawapan “tidak setuju”. Sikap positif dan negatif responden dinilai berdasarkan minat, kepentingan, kesetiaan dan kebanggaan mereka terhadap DMS. Soalan persepsi terhadap DMS merangkumi kepentingan DMS dalam mempelajarinya, mengekalkan identiti dan mendapat pekerjaan. Hasil analisis daripada soal selidik berkaitan sikap dan persepsi penutur dialek Melayu terhadap bahasa ibunda mereka, iaitu dialek Melayu Satun (DMS) diperincikan seperti berikut:

### 1. K1 “Saya rasa bangga apabila bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa golongan tua dan golongan remaja masing-masing sebanyak 100% bersetuju dengan kenyataan 1(K1) ini. Manakala golongan dewasa seramai 94% bersetuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 4% menyatakan tidak setuju serta 4% bersikap neutral.

JADUAL 1. Sikap terhadap kenyataan 1 “Saya rasa bangga apabila bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	39	100	0	0	0	0	39	100
Golongan dewasa	46	94	2	4	2	4	50	100
Golongan remaja	32	100	0	0	0	0	32	100

### 2. K2 “Saya rasa puas bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 2 di bawah menunjukkan golongan tua seramai 100% bersetuju dengan

kenyataan tersebut. Manakala golongan dewasa pula seramai 96% menyatakan setuju dan 4% menyatakan tidak setuju. Golongan remaja seramai 90.6% menyatakan setuju dan 9.4% menyatakan tidak setuju.

JADUAL 2. Sikap terhadap kenyataan 2 “Saya rasa puas bercakap dalam dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	39	100	0	0	0	0	39	100
Golongan dewasa	47	96	3	4	0	0	50	100
Golongan remaja	29	90.6	3	9.4	0	0	32	100

### 3. K3 “Saya mahu belajar dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa golongan tua dan golongan remaja masing-masing

seramai 100% bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala golongan dewasa pula seramai 96% menyatakan setuju dan 4% menyatakan tidak setuju.

JADUAL 3. Sikap terhadap kenyataan 3 “Saya mahu belajar dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	39	100	0	0	0	0	39	100
Golongan dewasa	47	96	3	4	0	0	50	100
Golongan remaja	32	100	0	0	0	0	32	100

4. K 4 “Saya menggalakkan anak-anak bercakap dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa semua responden golongan tua iaitu sebanyak 100% menyatakan mereka menggalakkan anak-anak bercakap dialek Melayu Satun. Manakala

golongan dewasa pula seramai 94% menggalakkan anak-anak mereka bercakap dialek Melayu Satun dan selebihnya 6% tidak menggalakkan anak-anak mereka bercakap dialek Melayu Satun. Golongan remaja pula sebanyak 72% bersetuju dengan kenyataan tersebut, 5% tidak setuju dan 12.5% bersikap neutral.

JADUAL 4. Sikap terhadap kenyataan 4 “Saya menggalakkan anak-anak bercakap dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	39	100	0	0	0	0	39	100
Golongan dewasa	46	94	0	0	4	6	50	100
Golongan remaja	23	72	5	15.5	4	12.5	32	100

5. K 5 “Saya rasa malu bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa golongan tua iaitu sebanyak 82% menyatakan mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut, selebihnya 18% menyatakan setuju iaitu mereka

rasa malu bertutur dalam dialek Melayu Satun. Manakala golongan dewasa pula seramai 76% menyatakan mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut dan 18% menyatakan setuju manakala 6% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 78% tidak setuju dengan kenyataan tersebut, 19% setuju dan 3% bersikap neutral.

JADUAL 5. Sikap terhadap kenyataan 5 “Saya rasa malu bercakap dalam dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	7	18	32	82	0	0	39	100
Golongan dewasa	9	18	38	76	3	6	50	100
Golongan remaja	6	19	25	78	1	3	32	100

6. K 6 “Dialek Melayu Satun amat penting dalam kehidupan harian”

Dapatan dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa golongan tua iaitu sebanyak 97.4% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, selebihnya

2.6% bersikap neutral. Manakala golongan dewasa pula seramai 92% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 6% tidak setuju manakala 2% bersikap neutral. Golongan remaja sebanyak 90.6% bersetuju dengan kenyataan tersebut dan 9.4% tidak setuju.

JADUAL 6. Sikap terhadap kenyataan 6 “Dialek Melayu Satun amat penting dalam kehidupan harian”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	38	97.4	0	0	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	46	92	3	6	1	2	50	100
Golongan remaja	29	90.6	3	9.4	0	0	32	100



7. K7 “Apabila bercakap dalam dialek Melayu Satun rasa ada semangat kekitaan”

Dapatan dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa golongan tua iaitu sebanyak 97.4% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, selebihnya

2.6% bersikap neutral. Manakala golongan dewasa pula seramai 92% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 6% tidak setuju manakala 2% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 84.5% bersetuju dan 15.5% tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

JADUAL 7. Sikap terhadap kenyataan 7 “Apabila bercakap dalam dialek Melayu Satun rasa ada semangat kekitaan”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	38	97.4	0	0	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	46	92	3	6	1	2	50	100
Golongan remaja	27	84.5	5	15.5	0	0	32	100

8. K8 “Dialek Melayu Satun amat penting dikuasai oleh anak-anak”

Dapatan dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa responden golongan tua sebanyak 95% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, 2.6% tidak setuju dan selebihnya 2.6% bersikap neutral.

Manakala golongan dewasa pula seramai 92% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 6% tidak setuju manakala 2% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 72% bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala 15.5% tidak setuju dan 12.5% bersikap neutral.

JADUAL 8. Sikap dan persepsi terhadap kenyataan 8 “Dialek Melayu Satun amat penting dikuasai oleh anak-anak”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	37	95	1	2.6	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	46	92	3	6	1	2	50	100
Golongan remaja	23	72	5	15.5	4	12.5	32	100

9. K9 “Kaum Melayu mesti boleh bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa responden golongan tua sebanyak 97.4% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, selebihnya

2.6% bersikap neutral. Manakala golongan dewasa pula seramai 90% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 6% tidak setuju manakala 4% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 84.5% bersetuju dengan kenyataan tersebut, 12.5% tidak setuju dan 3% bersikap neutral.

JADUAL 9. “Sikap dan persepsi terhadap kenyataan 9 “Kaum Melayu mesti boleh bertutur dalam dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	38	97.4	0	0	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	45	90	3	6	2	4	50	100
Golongan remaja	27	84.5	4	12.5	1	3	32	100

10. K10 “Pengetahuan dialek Melayu Satun melambangkan kedudukan seseorang dalam masyarakat”

Dapatan dalam Jadual 10 menunjukkan bahawa responden golongan tua iaitu sebanyak 79.5% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan

tersebut, 15.5% tidak setuju dan selebihnya 5% bersikap neutral. Manakala golongan dewasa pula seramai 74% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 22% tidak setuju manakala 4% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 66% bersetuju dengan kenyataan tersebut, 28% tidak setuju dan 6% bersikap neutral.

JADUAL 10. “Sikap dan persepsi terhadap kenyataan 10 “Pengetahuan dialek Melayu Satun melambangkan kedudukan seseorang dalam masyarakat”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	31	79.5	6	15.5	2	5	39	100
Golongan dewasa	37	74	11	22	2	4	50	100
Golongan remaja	21	66	9	28	2	6	32	100

11. K11 “Perkahwinan sesama kumpulan etnik Melayu dapat mengekalkan dialek Melayu Satun”

Dapatan dalam Jadual 11 menunjukkan bahawa responden golongan tua sebanyak 97.4% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan

tersebut dan 2.6% bersikap neutral. Manakala golongan dewasa pula seramai 86% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, 8% tidak setuju manakala 6% bersikap neutral. Golongan remaja pula sebanyak 72% bersetuju dengan kenyataan tersebut, 6% tidak setuju dan 22% bersikap neutral.

JADUAL 11. “Sikap dan persepsi terhadap kenyataan 11 “Perkahwinan sesama kumpulan etnik Melayu dapat mengekalkan dialek Melayu Satun”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	38	97.4	0	0	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	43	86	4	8	3	6	50	100
Golongan remaja	23	72	2	6	7	22	32	100

12. K12 “Dialek Melayu Satun tidak membantu saya dalam kerjaya/kemasukan ke universiti”

Jadual 12 di bawah menunjukkan bahawa responden golongan tua sebanyak 31% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut, manakala 66.5%

tidak setuju dan selebihnya 2.6% bersikap neutral. Golongan dewasa pula seramai 36% menyatakan mereka setuju dengan kenyataan tersebut dan 60% tidak setuju manakala 4% bersikap neutral. Manakala golongan remaja pula sebanyak 40.5% bersetuju dengan kenyataan tersebut, 47% tidak setuju dan 12.5% bersikap neutral.

JADUAL 12. “Sikap dan persepsi terhadap kenyataan 12 “Dialek Melayu Satun tidak membantu saya dalam kerjaya/ kemasukan ke universiti”

Golongan Umur	Ya		Tidak		Neutral		Jumlah	
	K	%	K	%	K	%	K	%
Golongan tua	12	31	26	66.5	1	2.6	39	100
Golongan dewasa	18	36	30	60	2	4	50	100
Golongan remaja	13	40.5	15	47	4	12.5	32	100

## PERBINCANGAN

Daripada hasil kajian di atas memperlihatkan keseluruhan sikap dan persepsi penutur Melayu Satun terhadap bahasa ibunda mereka iaitu, dialek Melayu Satun (DMS) adalah positif. Penutur Melayu semua golongan umur menganggap dialek Melayu Satun penting dalam komuniti mereka. Sikap positif seperti mahu belajar, menggalakkan anak-anak menggunakan DMS, penting dikuasai oleh anak-anak dan mesti boleh bertutur dalam DMS. Golongan tua bersikap lebih positif berbanding golongan dewasa dan golongan remaja. Manakala persepsi, seperti bangga, rasa puas, tidak malu, menunjukkan golongan tua juga lebih positif berbanding golongan dewasa dan golongan remaja. Sikap dan persepsi tersebut menyebabkan berlaku pengekalan DMS dalam kalangan penutur Melayu Satun. DMS sebagai lambang identiti mereka dan digunakan dalam rumah dan dalam komuniti mereka (Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohd. Fadzeli Jaafar 2020). Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Nookua (1991), Norizah (2005) dan Warinthip & Salasiah (2014) yang mengatakan responden bersikap positif terhadap bahasa ibunda mereka iaitu dialek Melayu Patani. Ia adalah lambang identiti mereka dan sebagai bahasa komunikasi dalam komuniti mereka. Bahasa Melayu di Thailand ialah satu-satunya aset bagi orang Melayu di negara ini yang memainkan peranan yang amat penting dalam jati diri Melayu (Kamaruddin 2019). Walau bagaimanapun, sikap dan persepsi golongan remaja dalam menggalakkan anak-anak bertutur DMS dan mempelajari DMS kurang positif berbanding golongan yang lain. Selain itu, persepsi responden golongan remaja juga kurang positif terhadap DMS kerana ia kurang membantu mereka dalam kerjaya atau memasuki universiti.

## KESIMPULAN

Masyarakat minoriti yang berbahasa Melayu yang tinggal dalam negara majoriti berbahasa Thai, pengekalan bahasa ibunda adalah sangat penting bagi mengekalkan identiti mereka. Salah satu faktor yang cenderung mengekalkan bahasa minoriti Dialek Melayu Satun (DMS) adalah sikap dan persepsi positif penutur terhadap bahasa ibunda sendiri. Hasil kajian ini telah menunjukkan sikap

dan persepsi responden adalah positif terhadap DMS, justeru, dapat membantu mengekalkan dialek Melayu Satun dalam kalangan penutur Melayu di Satun ini. Ini juga menyebabkan bahasa ibunda terus digunakan dan diturunkan kepada anak-anak dan generasi seterusnya dan kekal dituturkan dalam komuniti penutur Melayu di Satun. Walau bagaimanapun, sikap dan persepsi terhadap DMS dalam golongan remaja yang menunjukkan kurang positif ini akan menyebabkan berlaku peralihan bahasa secara perlahan-lahan kepada bahasa yang lebih dominan iaitu bahasa Thai Standard. Pengekalan dan penggunaan bahasa kaum minoriti di Thailand perlu mendapat sokongan daripada semua pihak. Ini kerana kemampuan rakyat yang bertutur dalam dwibahasa dan multi bahasa adalah sebagai aset negara yang menunjukkan sesebuah negara itu kaya dengan warisan, budaya dan bahasa.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2005. *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Cheah Boon Kheng. 1981. Social banditry and rural crime in North Kedah. 1909-1929. *JMBRAS* 54(2): 98-130.
- Court, C. 1995. The phonological system of Patani Malay/ The long consonants in Patani Malay/Conversion system from Standard Malay to Patani Malay/ Monosyllabication and 18 tonalisation in Patani Malay. Paper presented at the Workshops on the Phonology of Patani Malay, 6 January and 10 July, Pattani, Prince of Songkhla University.
- David Crystal. 2000. *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. 1972. *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Giles, H, Bourhis, R. & Taylor, D. 1977. Toward a theory of language in ethnic group relations. Dlm. *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*, disunting oleh Giles, H. London: Academic Press.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohd. Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: Korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik* 24(2): 47-58.
- Kamaruddin Esayah. 2019. Analisis sosiolinguistik masyarakat Melayu di tiga wilayah sempadan Selatan Thailand berlandaskan teori Etnografi Komunikasi. *Journal of Communication in Scientific Inquiry* 1(1): 59-76.
- Karan, E.M. 2011. Understanding and forecasting ethnolinguistic vitality. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 32(2): 137-149.
- Kuroda, Keiko. 2008. The Siamese in Kedah under nation-state making. [http://www.unimuenster.de/Ethnologie/South\\_Thai/working\\_paper/Kuroda\\_Kedah.pdf](http://www.unimuenster.de/Ethnologie/South_Thai/working_paper/Kuroda_Kedah.pdf) [18 Mac 2015].
- Li, X. 1999. How can language minority parents help their children become bilingual in familial context? A case study of a language minority mother and her daughter. *Bilingual Research Journal* 23(2-3): 211-223.

- Mahamod, Z., Jamaludin, S. R. & Hassan, H. 2019. Attitudes and motivation towards Malay Language and the Level of Mastery among the Lower Secondary School Students in Pattani, Thailand. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(5): 604–618.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. 2019. Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu kajian perbandingan berasaskan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(1): 77-96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis Geolingistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(4): 159-178.
- Noriah Mohamed & Omar Yusoff. 2010. Tinjauan identiti dan bahasa hibrid dalam kalangan Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilization* 28(2): 35-61.
- Norizah Ardi. 2005. Attitudes towards Malay Language and its uses among students of Southern Thailand University. Doctoral Thesis, Faculty of Language and Linguistics, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Hayati Lateh  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 Bangi  
Selangor D.E.  
Email: itayah@gmail.com
- Mohammad Fadzeli Jaafar (Ph.D)  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 Bangi  
Selangor D.E.  
Email: fadzeli@ukm.edu.my
- Chong Shin (Ph.D)  
Institut Alam Dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 Bangi  
Selangor D.E.  
Email: chongshin@ukm.edu.my
- Park, S. M. & Sarkar, M. 2007. Parents' attitudes toward heritage language maintenance for their children and their efforts to help their children maintain the heritage language: A case study of Korean-Canadian immigrants. *Language, Culture and Curriculum* 20(3): 223-235.
- Pauwels, A. 2004. Language maintenance. Dlm. *The Handbook of Applied Linguistics*, disunting oleh A. Davies, & C. Elder, 719-737. Malden, MA: Blackwell Publishing Ltd.
- Pentadbiran Wilayah Satun. 2015. <http://satunpao.go.th/eng/home.php?en=his> [12 November 2017]
- Saidatul Normis Hj. Mahali & Alice Alim. 2021. Kata-kata etnik sebagai identiti penutur dialek Melayu Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilization* 9(3): 65 - 75.
- Seni Mardman. 1990. Persoalan kesetiaan Bahasa di kalangan orang Melayu-Muslim di Selatan Thailand. *Dewan Bahasa* 43(12): 935-936.
- Sirikun Nookua. 2011. The patterns of language use in the southernmost provinces of Thailand. *Cultural Approach* 12(22): 26-35.
- Spolsky, B. 2004. *Language Policy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sohaimi Abdul Aziz & Omar Yusoff. 2010. Perkembangan identiti kaum Peranakan Samsam Islam: Satu kajian kes seorang dalang wayang dagek di Kedah. *International Journal of the Malay World and Civilization* 28(2): 83-107.
- Suwilai Premsrirat. 1995. On language maintenance and language shift in Minority Language of Thailand: A case Study of So (Thavung). Paper presented at International Conference on Language Endangerment. University of Tokyo. <https://core.ac.uk/download/pdf/39312544.pdf>. [25 September 2021]
- Suwilai Premsrirat. 1996. The Phonological Characteristics of So (Thavung), a Vietic Language of Thailand. *The Mon-Khmer Studies Journal* 26: 161-178.
- Yutaka Tomioka. 2009. Language attitudes and language choice of Northeastern Thai People of difference ages. Thesis Master, Chulalongkorn University.
- Warinthip Kaenin Sisamouth & Salasiah Che Lah. 2015. Attitudes towards Thai, Patani Malay and English of Thai Undergraduates: A Case Study at Prince of Songkla University Pattani Campus, Thailand. 3<sup>rd</sup> International Conference on Linguistics, Literature and Culture (ICLLIC 2014). *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 208: 240 – 252.
- Worawit Baru. 1999. Dasar kerajaan dan kesannya terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.